

DIGITALPERAK SEDIAKAN KEMUDAHAN INTERNET DI PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA

KEMUDAHAN 'WIFI' UNTUK PARA PELAJAR, IBU BAPA DAN PETUGAS PPS

BOTA, NOVEMBER 30, 2020 – Menyedari akan keperluan kemudahan internet oleh mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS), Pejabat Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia (BSKM) melalui syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di bawahnya, Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) telah menyediakan kemudahan internet di PPS yang masih dibuka.

Lokasi-lokasi tersebut terdiri daripada PPS Dewan Orang Ramai Kampung Tok Sirat Pekan Lintang, PPS Sekolah Kebangsaan Titi Gantong dan PPS Dewan Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) daripada 10 lokasi yang akan dikenal pasti.

Inisiatif ini dibiayai oleh pihak Pejabat BSKM dan Digital Perak dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi menghulurkan bantuan kemudahan capaian internet kepada mangsa banjir yang ditempatkan di PPS selepas rumah mereka terjejas akibat dilanda banjir kilat.

Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia, YB Encik Khairul Shahril bin Mohamed dijangka mengadakan lawatan ke PPS Sekolah Kebangsaan Titi Gantong, pada hari ini, untuk meninjau keadaan 10 mangsa banjir daripada 6 keluarga.

Khairul Shahril berkata, usaha ini merupakan komitmen Kerajaan Negeri melalui Digital Perak bagi membantu para pelajar mengakses internet untuk menyertai pembelajaran dalam talian supaya sesi pembelajaran tidak terjejas dan juga memudahkan para ibu bapa dan petugas PPS untuk mendapatkan kemudahan rangkaian internet untuk berkomunikasi.

“Pihak kami juga akan menambahkan perkakasan tersebut sekiranya ada keperluan bagi mengatasi masalah capaian rangkaian internet yang dihadapi para penghuni PPS,” katanya.



Perkakasan Internet yang disediakan merangkumi satu unit router, satu unit Power Over Ethernet (PoE) Switch, dua unit Access Point dan satu Power Surge Extension bagi setiap satu lokasi PPS, di mana kesemua perkakasan ini telah mendapat kelulusan SKMM.

Menerusi kemudahan ini, sehingga 50 orang pengguna boleh mengakses internet pada satu-satu masa.

